



## HUBUNGAN ROMANTIK DAN REMAJA HAMIL LUAR NIKAH DI PUSAT PEMULIHAN

(Romantic Relationships and Unwed Pregnancy of Adolescence Residing at Rehabilitation Center)

Salamatussaadah Abd. Ghadur & Nor Ba'yah Abdul Kadir

### Abstrak

Kajian tentang remaja hamil luar nikah adalah penting. Pencegahan awal boleh membantu mengurangkan masalah remaja daripada terjebak dalam masalah sosial ini. Kajian ini bertujuan untuk meneroka makna hubungan romantik dan hubungannya dengan motif sosial. Kajian telah dijalankan daripada Ogos hingga Disember 2009. Temubual separa berstruktur telah digunakan untuk memungut data. Daripada 15 informan yang berpotensi, hanya lima orang yang terpilih untuk ditemubual. Fail sulit informan turut digunakan sebagai proses triangulasi dan pengesahan. Semua temubual dirakam dan kemudian ditranskripsikan. Analisis thematik digunakan untuk mencanai data. Keputusan kajian mendapati hampir semua remaja perempuan mentakrifkan hubungan romantik dari segi hubungan intim yang dikaitkan dengan hubungan seksual sementara itu motif sosial dilihat sebagai pengalaman bercinta dan dicintai, dan kegembiraan dengan golongan dewasa.

**Katakunci:** hamil luar nikah, remaja, hubungan romantik, motif sosial, pusat pemulihan

### Abstract

Studies on unwed pregnancy among adolescence are critical. Exploring of this issue would help in early preventing female adolescence to be involved in this social problem. The study aims to explore the meaning of romantic relationships and its relationships to social motives. This study was carried out from August to December 2009. A semi-structure interview was used to obtain the data. Of 15 potential informants, five of them have been selected to be interviewed. Other confidential documents were also used as triangulation process and validation as well. All interviews were recorded and transcribed. Thematic analysis was used to analyze the interview data. Results had shown that all informants defined romantic relationships in terms of sexually intimacy relationships whilst social motives were seen as experiencing love and to be loved, and happiness with adults.

**Keywords:** unwed pregnancy, adolescence, romantic relationships, social motives, rehabilitation center

---

### PENGENALAN

Hubungan romantik di kalangan remaja telah menarik minat kebanyakkan penyelidik dalam bidang sains sosial malahan ia turut menarik perhatian para politik dan masyarakat tempatan. Hubungan romatik di kalangan remaja seringkali dilihat sebagai salah satu masalah sosial yang perlu ditangani. Kelahiran anak luar nikah kelihatannya dikaitkan dengan remaja hamil diluar perkahwinan hasil daripada hubungan romantik (Jaafar 2005). Kajian di Barat mendapati bermula pada seawal usia 16 tahun remaja telah pun mengadakan hubungan

romantik (Carver, Joyner & Udry 2003) dan mencecah 62% bagi lepasan sekolah menengah (Whitehead & Pearson 2006). Dapatkan kajian turut mencadangkan bahawa hubungan seks berlaku sebaik sahaja remaja mempunyai hubungan romantik (Buga et al. 1996; Jewkes et al. 2001). Remaja perempuan didapati lebih cenderung dalam hubungan seks berbanding lelaki (Dhariwal et al. 2009).

Hubungan romantik dari perspektif psikologi perkembangan disandarkan kepada pembinaan kendiri iaitu dikaitkan dengan tokoh ibu bapa, rakan, pasangan dan orang lain (Furman 1999; Barber & Eccles 2003; Roisman et al. 2009). Pengalaman hubungan romantik berperanan membentuk kendiri melalui 1) persepsi terhadap diri sendiri dalam arena romantik dan 2) penghargaan kendiri global (Furman & Shaffer 2003). Dengan lebih teliti, Furman dan Shaffer (2003) melihat hubungan romantik sebagai pemasatan utama remaja dan ia membentuk perkembangan kendiri remaja. Lima perkara yang dikenalpasti ekoran daripada hubungan romantik dari perspektif psikologi perkembangan iaitu 1) pembentukan identiti, 2) transformasi hubungan kekeluargaan, 3) pembinaan hubungan rakan sebaya, 4) perkembangan seksualiti, 5) pencapaian akademik dan perancangan kerjaya. Williams, Connolly and Segal (2001) melihat hubungan romantik terutamanya remaja perempuan dari sudut *self-disclosure* dan *companionship* yang akan menjurus kepada kesejahteraan emosi. Hubungan romantik turut dilihat sebagai sumber keyakinan dan membentuk kemahiran interpersonal terutamanya berkaitan dengan penerimaan rakan sebaya dan mengukuhkan reputasi atau imej (Brown 1999) dan keupayaan pengawalan serta pengluahan emosi (Davila et al. 2007).

Hubungan romantik adalah “on-going voluntary interactions that are mutually acknowledged, rather than identified by only one member of a pair” (Collins 2003). Ia juga merupakan hubungan timbal-balik antara pasangan dan lazimnya ditandai oleh “an amalgam of love, passion, and actual or anticipated sexual acitivities” (Collins & Sroufe 1999). Reis dan Shaver (1988) pula menjelaskan bahawa proses interpersonal antara dua orang pasangan melibatkan beberapa komponen seperti ekspresi emosi, komunikasi, motif sosial dan ia boleh mengurangkan perasaan takut selain membolehkan individu belajar tentang diri dan menjadikan mereka lebih rapat. Connolly dan rakan-rakan (1999) mencirikan hubungan romantik sebagai ekslusif dan mempunyai komitmen kepada hubungan jangka panjang. Ia berbeza dengan persahabatan kerana hubungan romantik perlu dihiasi dengan keintiman (Connolly et al. 1999). Hubungan ini juga dicirikan dengan kepuasan dan sokongan emosi (Sieffge-Krenke 2003) dan digambarkan dengan tingkah laku seksual seperti bercumbu-cumbuan, berpimpinan tangan dan seks (Rostosky, Galliher, Welsh & Kawaguchi 2000). Bagaimana, hubungan romantik di kalangan remaja dikatakan penuh dengan emosi dan fantasi (Tuval-Mashiach et al. 2008).

Oleh yang demikian, objektif kajian ini ialah 1) meneroka makna hubungan romantik, intim dan tingkah laku seks dan 2) memahami motif sosial remaja mengadakan hubungan romantik dan intim sehingga menyebabkan mereka hamil diluar perkahwinan.

## METOD KAJIAN

Kajian rentas ini menggunakan temubual separa berstruktur untuk memungut data daripada informan yang dipilih. Temubual dijalankan selama enam bulan iaitu bermula pada Ogos hingga Disember 2009. Pemilihan informan dilakukan oleh penguasa pusat pemulihan. Bagaimanapun, kriteria pemilihan informan ditentukan oleh penyelidik utama (selepas ini disebut sebagai PI). Rekod peribadi informan kemudiannya diteliti oleh penguasa dan mengenalpasti remaja hamil. Pusat pemulihan ini dihuni oleh 53 orang remaja perempuan.

Daripada 53 orang remaja, 15 daripada mereka adalah remaja hamil dan selebihnya remaja tidak hamil yang menjalani hukuman reman atas arahan mahkamah. Daripada 15 informan yang berpotensi, hanya lima orang yang memenuhi kriteria dan seterusnya dipilih untuk ditemubual. Kriteria yang ditetapkan oleh PI ialah 1) remaja perempuan berumur antara 15 hingga 18 tahun, 2) hamil luar nikah, 3) ditempatkan di pusat pemulihan di bawah perlindungan mengikut seksyen (41) Akta kanak-kanak 2001, 4) telah menetap di pusat pemulihan sekurang-kurangnya satu bulan, 5) pertama kali memasuki pusat pemulihan dan 6) bebas daripada masalah mental. Seorang remaja dikeluarkan daripada pemilihan sampel kerana tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh PI iaitu memasuki pusat pemulihan atas perintah mahkamah, telah melahirkan anak dan bukan pertama kali memasuki pusat pemulihan.

Fail sulit informan turut digunakan sebagai proses triangulasi dan pengesahan. PI turut meneliti data yang terkandung di dalam fail sulit seperti latar belakang informan (cth., ibu bapa, persekolahan), maklumat sebab-sebab memohon ke pusat pemulihan, sejarah penyakit dan maklumat tentang hubungan seksual. Laporan pegawai pelindung turut diteliti.

Semua temubual dirakam menggunakan perakam digital dan kemudiannya temubual ini ditranskripsikan. Nota lapangan turut digunakan untuk membantu dan menyokong hasil penemuan kajian. Masa temubual antara PI dengan informan ialah dua jam hingga tiga jam. Temubual turut diadakan selama 2 hingga 3 sesi bergantung kepada respons informan. Masa dan tarikh temubual mengikut kesesuaian masa informan.

Kajian ini mempunyai lapan domain iaitu 1) latar belakang informan, 2) kehidupan di pusat pemulihan, 3) persekolahan, 4) hubungan dengan rakan sebaya dan teman lelaki, 5) cara gaya bersosial, 6) hubungan romantik, intim, cinta dan seks, 7) wanita dan kehamilan dan 8) agama. Untuk tujuan kertas kerja ini, hanya domain hubungan romantik, intim, cinta dan seks yang menjadi fokus utama.

Soalan-soalan telah disediakan dibina sendiri oleh PI mengikut tema yang telah dikenalpasti berdasarkan karya sorotan lepas. Antara soalan yang dikemukakan untuk tema hubungan romantik ialah “adakah anda mempunyai teman istimewa/teman lelaki/kekasih hati?”, “berapakah umur teman lelaki anda”, “bagaimana anda mengenalinya?”, “adakah anda pernah dating dengan teman lelaki anda”, “berapa kali anda dating?”, “bagaimana suasana ketika dating dengan teman lelaki anda”, “bagaimanakah perasaan anda ketika itu?”, “adakah anda berpegangan tangan?”, “bagaimana perasaan anda dicium oleh teman lelaki”, “bagaimana rasanya dicintai dan mencintai?”. Bagi soalan yang berkaitan definisi hubungan romantik, PI mengemukakan soalan-soalan seperti “apakah makna hubungan romantik? Intim?”, “ada beza atau tidak antara hubungan romantik dan intim?”, “adakah hubungan cinta atau romantik perlu dibuktikan dengan hubungan seks?”. Soalan yang dikemukakan adalah sebagai asas kepada soalan seterusnya yang disoal secara spontan oleh PI hasil daripada respons informan.

Analisis thematik digunakan untuk mencanai data. Data temubual dianalisis secara manual tanpa bantuan mana-mana program perisian komputer. Analisis thematik dilakukan dengan syarat PI mesti *familiar* dengan data. Atas dasar ini, menjadi satu kelebihan apabila PI sendiri menemubual informan, mentranskripsikan data dan mengkod data. Koding dilakukan ke atas dua hingga tiga garis teks mengikut tema yang bersesuaian. Sebagai contohnya kekerapan informan menyebut perkataan cinta dan sayang secara berulang-ulang adalah tema hubungan romantik dan dipadankan dengan katakunci yang digunakan oleh PI. Tema yang hilang dalam teks turut diteliti. Ini misalnya, informan mungkin gagal untuk menyebut hubungan seks kerana ia adalah isu sensitif dalam masyarakat Melayu. Bagaimanapun, kehamilan remaja jelas menunjukkan informan berpengalaman dalam hubungan seks tetapi

perasaan malu mengekang untuk berkongsi cerita dengan PI. Pencarian ini boleh diperoleh melalui dokumen fail peribadi informan.

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Fokus kajian kes adalah ke atas deskripsi hubungan romantik, intim dan bermulanya hubungan seks remaja dengan pasangan. Beberapa karakteristik turut digambarkan dari segi latar belakang demografi informan dan keluarga. Setiap ilustrasi bermula dengan satu pengalaman yang diceritakan oleh informan.

### **(a) Hubungan romantik, intim dan hubungan seks: Kes 1 Marini (bukan nama sebenar)**

Ketiga-tiga konsep ini didapati saling berkaitrapat antara satu sama lain dari perspektif gaya perapatan walaupun pada hakikatnya adalah tiga komponen yang berbeza. Hubungan romantik seperti yang dijelaskan di atas melibatkan proses interaksi interpersonal antara pasangan dan dicirikan dengan keintiman iaitu dengan adanya *self-disclosure* dan *companionship* serta tingkah laku lain yang melibatkan sentuhan fizikal, belaian dan cetusan perasaan ghairah. Hubungan ini turut menekankan kepada pembentukan hubungan romantik dan kepuasan terhadap hubungan tersebut dan perkembangan hubungan seks (Dhariwal et al. 2009).

Tempoh hubungan romantik bagi informan turut memainkan peranan penting. Kajian ini mendapati tempoh hubungan tersebut antara 2 bulan hingga 2 tahun. Ini memperlihatkan bahawa informan bersedia untuk memberikan komitmen jangka panjang sementara tempoh hubungan yang singkat kerana bertemu dengan teman lelaki lain. Ini mungkin melibatkan keupayaan remaja untuk co-construct hubungan dengan teman lelaki yang baru.

Marini berusia 18 tahun merupakan anak bongsu daripada 10 orang adik beradik termasuk lima adik beradik berlainan bapa. Hubungan dengan adik beradik kurang rapat. Pertama kali bertemu dengan adik beradik kandung ketika berusia sembilan tahun. Adik beradik kandung yang lain tinggal bersama kakak sulung. Marini kehilangan ayah sewaktu berusia empat tahun. Beliau dijaga oleh ibu yang telah mendirikan rumah tangga sekali lagi. Marini mempunyai hubungan yang rapat dengan datuk dan nenek sebelah ibu. Selepas kematian datuknya, Marini tinggal bersama nenek dan ibu dan membantu menjaga kedua-dua mereka. Marini menjelaskan bahawa neneknya mengalami sakit tua manakala ibunya pula mengalami sakit mental akibat tekanan akibat penderaan fizikal oleh suami. Marini bercerita tentang dirinya:

“Adik beradik semua bekerja. Masa saya di darjah 3, baru tertemu dengan adik beradik. Sejak lahir tinggal dengan ibu, lepas tuh saya bersekolah rendah, masa umur tujuh tahun berpisah dengan ibu. Kakak pula lari dari rumah”.

Marini tidak menjelaskan lebih lanjut tentang perpisahan dengan ibu apabila ditanya. Beliau hanya mendiamkan diri. Tiada tanda-tanda Marini bergaduh dengan ibu atau adik beradik. Bagaimanapun, jelas kelihatan latar belakang Marini boleh mengheret beliau ke arah masalah sosial. Bersesuaian dengan dapatan kajian oleh Brown dan Harris (1978) bahawa bilangan anak yang lebih daripada empat, berpisah daripada ibu bapa ketika usia belum mencapai 11 tahun, ibu memiliki pendapatan rendah atau mengganggu dan status ibu turut memberi kesan negatif ke atas anak.

Marini menjelaskan maksud hubungan intim adalah rapat. Marini berkata “rapat lah” dan hubungan romantik pula sebagai “kasih saying...” manakala hubungan seks adalah “hubungan lelaki dan perempuan... hubungan lelaki dan perempuan dalam nilah... hubungan seks”

Apabila ditanya tentang ciri-ciri hubungan romantik, respons Marini adalah seperti berikut:

“Memahami... baik... ambil berat...beri semangat”, pegang-pegang tangan ada? “Ada... memula pegang tangan..”, Berciuman? “masa itu... masa memula saya buat... di pipi...”, Hubungan seks bila berlaku? “kejadian itu di rumah... di Kelantan. Dia ajak... keluarga dia hendak jumpa... saya ke rumah dia... hari pertama tidak ada apa-apa berlaku... hari kedua.. dan ketiga... Semuanya keluarga tiada di rumah... emak dan kakak dia keluar ke Bandar... abang dia pula keluar bekerja... jadi tinggal saya dengan dia... anak-anak saudara ke sekolah. Masa itu kami menonton TV... sedang menonton TV tetiba dia cium saya... dia pegang pegang... kali kedua hubungan seks waktu malam... semua orang sudah tidur... masa itu di ruang tamu... macam itu lah...”.

### **Kes 2 – Sofia (bukan nama sebenar)**

Sofia berusia 17 tahun, berasal daripada Temerloh, Pahang. Merupakan anak bongsu daripada empat orang adik beradik kandung. Beliau adalah anak perempuan tunggal. Abang-abang Sofia semuanya telah mendirikan rumah tangga. Sofia mempunyai seorang adik tiri. Ibu dan bapa telah bercerai hidup ketika Sofia berusia enam tahun. Ibu beliau berkahwin semula ketika beliau berusia 11 tahun. Sejak perceraian ibu bapa, Sofia tinggal bersama ibu dan bapa tiri. Ibu beliau bekerja sebagai pembantu pejabat dengan pendapatan gaji di bawah paras kemiskinan. Tiada maklumat tentang bapa kandung atau bapa tiri. Sofia juga tidak melaporkan mempunyai sebarang masalah dengan adik beradik.

Apabila ditanya tentang hubungan romantik, Sofia member respons sebagai “... intim (tertawa)... hubungan lelaki dan perempuan. Hubungan mesra”. Apabila ditanya tentang cinta, Sofia menjelaskan bahawa beliau kurang faham tentang cinta. Pada anggapan Sofia, cinta itu adalah kasih sayang dan melibatkan unsur kemesraan dan kegembiraan. Hubungan seks pula pada pandangan Sofia adalah “hubungan lelaki dengan perempuan”.

Ciri-ciri romantik bagi Sofia juga tidak jauh berbeza daripada Marini iaitu memahami, baik hati dan mengambilberat. Sofia menceritakan, “rasa disayangi... saya percaya dia, apa semua pun sebab dia banyak beri sokongan dan kasih sayang”.

Apabila ditanya tentang hubungan seks, Sofia menyatakan “berlaku di rumah dia, di Temerloh... kawan-kawan serumah ke tempat kerja. Tiada siapa di rumah ketika itu...”. Kenapa sanggup melakukan hubungan seks? “dah sayang, percaya semua”. Sokongan emosi yang diperoleh daripada teman lelaki menyebabkan remaja perempuan merelakan dan melakukan hubungan seks. Tambahan pula, pada tahap remaja, keinginan seksual semakin meningkat (Furman & Shaffer, 2003). Boleh dikatakan remaja mula bereksperimen dengan tingkah laku seksual dan ini menjadikan mereka secara perlahan-lahan berasa selesa dengan tingkah laku tersebut. Abma dan Sonenstein (2001) mendapati hamper 70% remaja perempuan telah melakukan hubungan seks pada usia 19 tahun.

### **(b) Motif sosial sebagai pengalaman bercinta dan dicintai**

Tiga komponen penting dalam aspek gaya perapatan iaitu percaya, kegembiraan dan persahabatan (Hazan & Shaver, 1987). Golongan remaja juga kelihatannya memperlihatkan corak atau pola yang sama iaitu percaya dan gembira. Keinginan hendak mempunyai pasangan adalah sifat normal dan semulajadi. Dalam konteks ini, ia boleh dilihat dari perspektif affiliation dan perapatan (Furman, 1999). Selain itu, pengalaman bercinta dan dicintai dilihat sebagai tempat pengluahan perasaan dan rasa tertekan. Ini bermakna teman lelaki dijadikan sebagai sumber utama companionship (Buhrmester & Furman, 1987) di kalangan remaja.

Marini (kes 1) menjelaskan, “rasa disayangi... saya percaya dia, apa semua itu pun sebab dia beri banyak sokongan dan kasih sayang. Kasih sayang sebab daripada keluarga tidak dapat... kalau ada pun kasih sayang daripada nenek sahaja. Rasa gembira... boleh hilangkan rasa sedih atau tertekan bila bersama dia”. Ada keinginan lain? “hmmm... ingin ada teman lelaki... rasa teringin lah hendak berkawan dengan lelaki... hendak couple lah”.

Sofia (kes 2) pula menyatakan, “mmm... nak dia sayang... sebab rasa... dia dapat beri kasih sayang...” Kenyataan yang sama disampaikan oleh Maria (kes 3) “nak kasih sayang daripada dia sebab tidak dapat daripada keluarga... rasa gembira... rasa happy bila duduk dengan dia... tidak ingat apa-apa... bila rasa tertekan... boleh hilang rasa tertekan”.

### **(c) Limitasi kajian**

Kajian ini mempunyai beberapa limitasi. Sampel yang digunakan sangat kecil iaitu lima orang, oleh yang demikian data kualitatif tidak memenuhi syarat untuk dijadikan data kuantitatif dan seterusnya membolehkan aplikasi analisis statistiks. Kajian akan datang disarankan menggunakan sampel yang lebih besar, menggunakan beberapa skala piawaian untuk mengukur gaya perapatan remaja, konsep cinta dan intim dan kesedaran tentang tingkah laku seksual. Kajian berbentuk longitudinal juga membolehkan dilaksanakan untuk melihat hubungan romantik seterusnya yang dibina setelah remaja ini beralih ke tahap dewasa. Prospektif elemen disarankan dalam kajian akan dating sekiranya penyelidik berminat untuk melihat zaman kanak-kanak dan unsur-unsur penderaan fizikal dan seksual memandangkan kebanyakkan remaja yang yang ditemubual berpisah dengan ibu atau bapa sebelum mencapai usia 11 tahun.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini menerokan hubungan romantik dan remaja hamil luar nikah di pusat pemulihan. Dapatkan kajian memperlihatkan bahawa kebanyakkan remaja hamil luar nikah mempunyai latar belakang keluarga yang kurang sempurna. Kebanyakkan mereka pernah berpisah daripada bapa sebelum umur mencecah 11 tahun, mempunyai bilangan adik beradik yang ramai, status ibu yang berkahwin semula dan juga dating daripada keluarga yang berpendapatan rendah. Rata-rata remaja yang dikaji melahirkan perasaan inginkan pasangan dan kasih sayang daripada teman lelaki. Kepercayaan yang kukuh dan keinginan untuk rasa dicintai dan mencintai mendorong mereka melakukan hubungan seks.

## **RUJUKAN**

- Abma, J.C., & Sonenstein, F.L. Sexual activity and contraception practices among teenagers in the United States, 1988 and 1995. National Center for Health Statistics. Vital Health Statistics, 23, 21. 2001.
- Barber, B., & Eccles, J. 2003. The joy of romantic: Healthy adolescent relationships as an educational agenda. In P. Florsheim (Ed.). *Adolescent romantic relations and sexual behavior: Theory, research and practical implication* (pp. 355-370). Mahwah NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Brown, B. B. 1999. "You're going out with who?" Peer group influences on adolescent romantic relationships. In W.Furman, B. B.Brown, & C.Feiring (Eds.), *The development of romantic relationships in adolescence* (pp. 291–329). New York: Cambridge University Press.
- Brown, G. W., & Harris, T. 1978. *Social origins of depression*. London, Tavistock Publications Limited.
- Buhrmester, D., & Furman, W. 1987. The development of companionship and intimacy. *Child Development*, 58, 1101-1113.
- Carver, K., Joyner, K., & Udry, J. R. 2003. National estimates of adolescent romantic relationships. In P.Florsheim (Ed.), *Adolescent romantic relations and sexual behavior: Theory, research, and practical implications*. Mahwah, NJ: Erlbaum.
- Collins, W.A. 2003. More than myth: The developmental significance of romantic relationships during adolescence. *Journal of Research on Adolescence*, 13, 1, 1-24.
- Collins, W. A., & Sroufe, L. A. 1999. Capacity for intimate relationships: A developmental construction. In W.Furman, C.Feiring, & B. B.Brown (Eds.), *Contemporary Perspectives on Adolescent Romantic Relationships* (pp. 123–147). New York: Cambridge University Press.
- Connolly, J., Craig, W., Goldberg, A., & Pepler, D. 1999. Conceptions of cross-sex friendships in early adolescence. *Journal of Youth and Adolescence*, 28, 4, 481-494.
- Davila, J., Stroud, C.B., Miller, M.R., & Steinberg, S.J. 2007. Commentary: Defining and understanding challenges, and implications. *Journal of Clinical Child and Adolescent Psychology*, 36, 534-540.
- Dhariwal, A., Connolly, J., Paciello, M., & Caprara, G.V. 2009. Adolescent peer relationships and emerging adult romantic styles: A longitudinal study of youth in an Italy community. *Journal of Adolescent Research*, 24, 5, 579-600.
- Furman, W., & Shaffer, L. 2003. The role of romantic relationships in adolescent development. In P. Florsheim (Ed.). *Adolescent romantic relations and sexual behavior: Theory, research and practical implication* (pp. 3-22). Mahwah NJ: Lawrence Erlbaum Associates.

- Furman, W. 1999. Friends and lovers: The role of peer relationships in adolescent romantic relationships. In W.A. Collins & B. Laursen (Eds.), *Relationships as developmental contexts: The 30th Minnesota Symposia on Child Development* (pp. 133-154). Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Jaafar, J.L.S 2003. Psikologi remaja. Malaysia: Prentice Hall.
- Reis, H. T., & Shaver, P. 1988. Intimacy as an interpersonal process. In S. W. Duck (Ed.), *Handbook of personal relationships* (pp. 367–389). New York: Wiley.
- Roisman, G.I., Booth-LaForce, C., Cauffman, E., & Spicker, S. 2009. The developmental significance of adolescent romantic relationships: Parent and peer predictors of engagement and quality at age 15. *Journal of Youth Adolescence*, 38, 1294-1303.
- Rostosky, S.S., Galliher, R.V., Welsh, D.P., & Kawaguchi, M.C. 2000. Sexual behaviours and relationship qualities in late adolescent couples. *Journal of Adolescence*, 23, 583-597.
- Seiffge-Krenke, I. 2003. Testing theories of romantic development from adolescence to young adulthood: Evidence of a developmental sequence. *International Journal of Behavioral Development*, 27, 519-531.
- Tuval-Mashiach, R., Walsh, S., Harel, S., & Shulman, S. 2008. Romantic fantasies, cross-gender friendships, & romantic experiences in adolescence. *Journal of Adolescent Research*, 23, 4, 471-487.
- Williams, S., Connolly, J., & Segal, Z.V. 2001. Intimacy in relationships and cognitive vulnerability to depression in adolescent girls. *Cognitive Therapy and Research*, 25, 4, 477-496.
- Whitehead, B.D., Pearson, M. 2000: *Making a love connection: Teen relationships, pregnancy, and marriage*. Washington D.C.: National Campaign to Prevent Teen Pregnancy.

Salamatussaadah Abd. Ghadur  
 Jabatan Kebajikan Masyarakat, Malaysia  
 Tingkat 19-24 Menara Tun Ismail Mohamed Ali  
 Jalan Raja Laut  
 50564 Kuala Lumpur

Dr. Nor Ba'yah Abdul Kadir  
 School of Psychology and Human Development  
 Faculty of Social Sciences and Humanities  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 Emai: aknbayah@ukm.my

